



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM & KESENIAN**

**KARNIVAL SEMARAK
PERPADUAN BAHASA:
PERTANDINGAN BER CERITA
PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2025**

KERTAS KONSEP

Anjuran:

**Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Bercerita telah menjadi tradisi budaya manusia sejak zaman-berzaman untuk memberi pengajaran, pengetahuan, hiburan dan berkongsi pengalaman. Dalam masyarakat Melayu, tokoh-tokoh seperti Tok Tubang, Awang Batil, Awang Belanga dan Tok Selampit merupakan penglipur lara yang terkenal dalam tradisi bercerita. Kehebatan mereka banyak bergantung kepada cara persembahan yang mampu mempengaruhi malah memukau audiens.
- 1.2 Aktiviti bercerita dalam pengajaran bahasa merupakan pendekatan yang sesuai digunakan untuk membina kecekapan berbahasa murid iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Seterusnya, kemahiran kefahaman dan pelaporan turut dicapai melalui aktiviti membaca dan bercerita ini. Aktiviti bacaan perlu dibudayakan kepada murid-murid.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mencungkil bakat dan kreativiti murid bercerita secara bersahaja dan meyakinkan.
- 2.2. Menggalakkan murid membaca dan menghayati karya kreatif penulis-penulis tempatan, karya tradisional dan hasil karya sendiri.
- 2.3 Membina keyakinan diri dan semangat juang yang tinggi serta berdaya saing dalam kalangan murid.
- 2.4 Meningkatkan kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
- 2.5 Mencungkil bakat dan kreativiti murid bercerita secara spontan dan meyakinkan berdasarkan bahan rangsangan.
- 2.6 Menggalakkan murid menjana idea spontan berdasarkan bahan rangsangan.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Pertandingan peringkat negeri akan dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Hanya pemenang (johan) peringkat negeri akan bertanding ke peringkat kebangsaan.
- 3.2 Pertandingan peringkat kebangsaan akan dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama JPN Pengelola yang telah dilantik.

4.0 KATEGORI

- 4.1 Pertandingan ini terbahagi kepada dua kategori secara individu seperti berikut:
 - 4.1.1 Sekolah Kebangsaan : Tahap 2 (Murid Tahun 4 - 6)
 - 4.1.2 Sekolah Jenis Kebangsaan : Tahap 2 (Murid Tahun 4 - 6)
(Peserta bukan penutur jati bahasa Melayu)

5.0 SYARAT-SYARAT

- 5.1 Pertandingan ini terbuka kepada murid warganegara Malaysia di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan sahaja.
- 5.2 Permohonan untuk menyertai pertandingan ini perlu melalui pihak sekolah dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa.
- 5.3 Pakaian peserta hendaklah sopan dan sesuai dengan cerita. Penggunaan kostum dan tatarias dibenarkan serta diberi markah. Pakaian seragam sekolah juga dibenarkan.
- 5.4 Muzik dan kesan bunyi semasa bercerita tidak dibenarkan. Unsur puisi, nyanyian dan cakap ajuk dibenarkan untuk mengukuhkan penceritaan tetapi tidak keterlaluan hingga menjejaskan penceritaan. Kesemua unsur ini **tidak boleh melebihi satu minit** daripada keseluruhan cerita.
- 5.5 Unsur lakonan dan main peranan **tidak dibenarkan**. Peserta perlu bercerita dengan gaya penceritaan yang bersahaja, menarik dan memikat penonton. Pergerakan yang dibenarkan adalah pergerakan anggota badan, tangan, kepala dan mimik muka. Pergerakan kaki hanya dibenarkan setapak sahaja setiap kali pergerakan.
- 5.6 Cerita berunsurkan kisah haiwan **tidak dibenarkan**.

5.7 Pertandingan dijalankan dalam dua bahagian iaitu:

5.7.1 **Bahagian Pertama**

- 5.7.1.1 Tajuk bebas yang disediakan oleh pihak sekolah
- 5.7.1.2 Tempoh bercerita : 7 minit sahaja
- 5.7.1.3 **Masa Bahagian Pertama akan dikira sebaik sahaja peserta memulakan cerita.**
- 5.7.1.4 Loceng akan dibunyikan sekali seminit sebelum masa berakhir (minit ke-6). Loceng akan dibunyikan dua kali menandakan masa bercerita telah tamat.

5.7.2 **Bahagian Kedua (spontan)**

- 5.7.2.1 Diadakan selepas selesai Bahagian Pertama.
- 5.7.2.2 Peserta akan bercerita secara spontan berdasarkan gambar yang dipaparkan.
- 5.7.2.3 Tempoh persediaan satu minit diberikan sebaik sahaja gambar dipaparkan.
- 5.7.2.4 Peserta akan memulakan bercerita dalam tempoh tiga minit.
- 5.7.2.5 Loceng akan dibunyikan sekali menandakan bermulanya masa bercerita. Loceng akan dibunyikan dua kali menandakan masa bercerita telah tamat.

6.0 **SUMBER BAHAN**

6.1 **Bahagian Pertama**

- 6.1.1 Sumber bahan cerita hendaklah dipilih daripada medium seperti buku cerita yang terdapat dalam pasaran, cerita daripada majalah dan media massa atau hasil karya peserta sendiri.
- 6.1.2 Kandungan cerita mestilah mengandungi unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni sejagat yang tidak menyentuh isu-isu politik, kaum, agama dan tidak menghina mana-mana pemimpin.

6.2 Bahagian Kedua (spontan)

Peserta akan menyampaikan cerita secara spontan berdasarkan bahan rangsangan seperti di Lampiran 1. Gambar merupakan subjek penceritaan.

7.0 ASPEK PEMARKAHAN

7.1 Bahagian Pertama

7.1.1	Teknik persembahan	30 markah
7.1.2	Bahasa dan pertuturan	25 markah
7.1.3	Penghayatan cerita	20 markah
7.1.4	Mesej/nilai dalam cerita	10 markah
7.1.5	Tempo penceritaan/perkembangan cerita	10 markah
7.1.6	Keterampilan peserta	5 markah
Jumlah		100 markah

7.2 Bahagian Kedua (spontan)

7.2.1	Teknik persembahan	25 markah
7.2.2	Bahasa dan pertuturan	25 markah
7.2.3	Penghayatan cerita	20 markah
7.2.4	Mesej/nilai dalam cerita	15 markah
7.2.5	Tempo penceritaan/perkembangan cerita	15 markah
Jumlah		100 markah

8.0 PENGHAKIMAN

- 8.1 Peringkat kebangsaan dinilai oleh tiga orang hakim termasuk ketua hakim.
- 8.2 Setiap hakim akan menilai pertandingan secara keseluruhan.
- 8.3 Keputusan rasmi dibuat secara sistem juri.
- 8.4 Hakim mesti mematuhi peraturan pertandingan yang terdapat dalam kertas konsep KPM.
- 8.5 Keputusan panel hakim adalah muktamad.

9.0 HADIAH PERINGKAT KEBANGSAAN

Setiap peserta akan mendapat sijil penyertaan manakala sijil penghargaan bagi guru pembimbing. Senarai hadiah bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

- 9.1 Johan : Trofi dan sijil pencapaian
- 9.2 Naib Johan : Trofi dan sijil pencapaian
- 9.3 Tempat Ketiga : Trofi dan sijil pencapaian
- 9.4 Tempat Keempat : Trofi dan sijil pencapaian
- 9.5 Tempat Kelima : Trofi dan sijil pencapaian



10.0 HAL-HAL YANG TIDAK DINYATAKAN

- 10.1 KPM berhak membatalkan penyertaan yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kertas konsep.
- 10.2 KPM berhak menyiarkan rakaman video pertandingan dalam sebarang pelantar bagi tujuan hebahan atau pendidikan.
- 10.3 Semua hal yang tidak dinyatakan dalam kertas konsep ini atau sebarang pengecualian mengenai pematuhan syarat-syarat pertandingan atau semua perkara di luar jangka atau mengenai tafsiran akan diputuskan oleh pihak Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang terdiri daripada KPM dan JPN Pengelola.
- 10.4 Kertas konsep ini sah untuk tahun 2025 sehingga makluman atau semakan lanjut daripada KPM dan boleh digunakan dalam semua peringkat untuk pertandingan yang dianjurkan oleh KPM.
- 10.5 Pertandingan ini tertakluk pada peraturan di atas sahaja. Penggunaan atau penyesuaian oleh mana-mana entiti di luar kementerian memerlukan kebenaran terlebih dahulu. Kertas konsep ini adalah hak cipta terpelihara KPM.

- TAMAT -

Lampiran 1

CONTOH GAMBAR SOALAN SPONTAN



BORANG PENGHAKIMAN (BAHAGIAN PERTAMA) SEKOLAH KEBANGSAAN / SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

Giliran peserta:

Tajuk cerita:

Masa: 7 minit

Bil.	Kriteria	1 Lemah	2 Sederhana	3 Baik	4 Amat baik	5 Cemerlang	Ulasan
1.	TEKNIK PERSEMBAHAN Teknik persembahan menarik dan memikat penonton, tenang, meyakinkan dan gerak-geri bersahaja.	1-6	7-12	13-18	19-24	25-30	
2.	BAHASA DAN PERTUTURAN Bahasa gramatis, intonasi yang betul, sebutan jelas dan tepat.	1-5	6-10	11-15	16-20	21-25	
3.	PENGHAYATAN CERITA Menghayati dan menyampaikan cerita dengan lancar.	1-4	5-8	9-12	13-16	17-20	
4.	MESEJ/NILAI DALAM CERITA Cerita mengandungi unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni sejagat yang sesuai dengan kemampuan dan tahap umur peserta.	2	4	6	8	10	
5.	TEMPO PENCERITAAN/PERKEMBANGAN CERITA Sesuai dengan jalan cerita. (Menentukan klimaks atau antiklimaks sesuatu cerita)	0-1	2-3	4-5	6-7	8-10	
6.	KETERAMPILAN PESERTA Sesuai mengikut jalan cerita. (Kostum, kemas, menarik)	1	2	3	4	5	
JUMLAH MARKAH (100)							

Pengesahan oleh hakim

.....
()

BORANG PENGHAKIMAN (BAHAGIAN KEDUA)
SEKOLAH KEBANGSAAN / SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

Giliran peserta:

Masa: 3 minit

BIL.	KRITERIA	1 Lemah	2 Sederhana	3 Baik	4 Amat baik	5 Cemerlang	Ulasan
1.	TEKNIK PERSEMBAHAN Teknik persembahan menarik dan memikat penonton, tenang, meyakinkan dan gerak-geri bersahaja.	1-5	6-10	11-15	16-20	21-25	
2.	BAHASA DAN PERTUTURAN Bahasa gramatis,intonasi yang betul, sebutan jelas dan tepat.	1-5	6-10	11-15	16-20	21-25	
3.	PENGHAYATAN CERITA Menyampaikan dan menghayati cerita berdasarkan bahan rangsangan dengan lancar.	1-4	5-8	9-12	13-16	17-20	
4.	MESEJ / NILAI DALAM CERITA Cerita mengandungi unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni sejagat yang sesuai dengan kemampuan dan tahap umur peserta.	3	6	9	12	15	
5.	TEMPO PENCERITAAN / PERKEMBANGAN CERITA Sesuai dengan jalan cerita (Menentukan klimaks atau antiklimaks sesuatu cerita).	1-3	4-6	7-9	10-12	13-15	
JUMLAH MARKAH (100)							

Pengesahan oleh hakim

.....
 ()

**KEPUTUSAN PERTANDINGAN
SEKOLAH KEBANGSAAN / SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

GILIRAN PESERTA	MARKAH BAHAGIAN PERTAMA	MARKAH BAHAGIAN KEDUA	JUMLAH MARKAH	CATATAN
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				
15				
16				

Pengesahan oleh Ketua Hakim

.....
()

KEPUTUSAN HAKIM **SEKOLAH KEBANGSAAN / SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

BAHAGIAN PERTAMA / BAHAGIAN KEDUA

GILIRAN PESERTA	NAMA	KEPUTUSAN HAKIM			JUMLAH MARKAH
		HAKIM 1	HAKIM 2	HAKIM 3	

Pengesahan oleh Ketua Hakim

.....
 ()

**KEPUTUSAN PERTANDINGAN
SEKOLAH KEBANGSAAN / SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

KEDUDUKAN	NAMA PESERTA	GILIRAN PESERTA
PERTAMA		
KEDUA		
KETIGA		
KEEMPAT		
KELIMA		

Disahkan oleh Ketua Hakim

.....
()

Disemak oleh Pemerhati

.....
()